

# EPISTEMOLOGI AL-'ILM DALAM PERBAHASAN AUTORITI HADIS

DR. MOHD. KHAFIDZ BIN SORONI

Institut Kajian Hadis & Akidah,

Jabatan al-Quran & al-Sunnah,

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[mohdkhafidz@kuis.edu.my](mailto:mohdkhafidz@kuis.edu.my)

## ABSTRAK

*Hadis dalam pensyariatan Islam merupakan sumber kedua selepas al-Quran al-Karim. Kedua-duanya sejak mula adalah sumber utama yang menjadi rujukan para ulama dalam segala aspek permasalahan hidup umat manusia. Namun, dengan perkembangan metode berfikir dalam kalangan ulama kalam, usul dan fiqh, kedudukan hadis kemudian dibahaskan dengan lebih mendalam dan terperinci. Justeru, berlaku perselisihan antara para ulama dalam menetapkan nilai ilmiah atau autoriti bagi hadis, sama ada kesemuanya mencapai tahap al-'ilm atau sebahagian sahaja yang mencapai tahap tersebut, justeru selebihnya perlu dibezakan dengan al-Quran dari sudut nilai ilmiah atau autoritinya. Perbahasan nilai ilmiah atau autoriti hadis ini, bukan sahaja dibincangkan dalam kitab-kitab ilmu kalam dan usul al-fiqh, malah turut dimasukkan ke dalam perbincangan disiplin 'ulum al-hadith. Justeru dalam kajian ini, fokus perbincangan akan ditumpukan khusus terhadap epistemologi al-'ilm dalam perbahasan nilai ilmiah atau autoriti hadis berdasarkan perselisihan pandangan di kalangan para ulama. Kajian kualitatif berdasarkan analisis dokumen ini meninjau tentang persoalan tersebut melalui penelitian terhadap karya-karya ilmu kalam, usul al-fiqh dan 'ulum al-hadith sekaligus. Kajian mendapati, jumhur ulama bersepakat bahawa tidak kesemua hadis itu mencapai tahap al-'ilm kerana majoritinya adalah pada tahap al-zan dari segi autoriti atau nilai ilmiahnya.*

**Kata kunci:** epistemologi, al-'ilm, al-zan, ulama, autoriti, hadis.

## 1. Pendahuluan

Institusi ulama sebagai pusat autoriti ilmu dalam Islam telah memainkan peranan besar dalam memajukan dan mengembangkan metode berfikir dalam kalangan umat Islam sejagat. Bersumberkan wahyu dan bahasa Arab, para ulama Islam telah menghasilkan satu khazanah besar ilmu yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah umat manusia. Pelbagai disiplin ilmu telah disusun secara cukup sistematik dengan mengambil kira aspek naqli dan aqli sekaligus, termasuklah ilmu hadis. Hadis sebagai salah satu sumber penting pensyariatan Islam, bukan sahaja diberi perhatian besar oleh ulama hadis dari aspek kualiti dan kredibiliti, bahkan ia turut diberi penekanan oleh ulama kalam, usul dan fiqh dari aspek inti dan autoriti. Kajian ini akan membincangkan tentang epistemologi al-'ilm dalam perbahasan autoriti hadis berdasarkan pandangan-pandangan ulama dalam pelbagai bidang pengkhususan, terutama disiplin kalam, usul, fiqh dan hadis.

## 2. Definisi Epistemologi dan al-'Ilm

Epistemologi menurut definisi Kamus Dewan Edisi Keempat: (épistémologi) teori tentang pengetahuan, terutamanya yang berkaitan dengan kajian kritis tentang kesahihan, kaedah, dan skop sesuatu pengetahuan.

Manakala *al-'ilm* dari segi bahasa yang bertepatan dengan istilah ulama usul ialah definisi al-Fayyumi (1990: 162) yang menyatakan, *al-'ilm* bermakna *al-yaqin* (yakin), selain bermakna *al-ma'rifah* (mengetahui). Ibn Manzur dalam *Lisan al-'Arab* menyatakan bahawa keyakinan melalui penglihatan mata adalah '*ilm*', manakala keyakinan melalui pemerhatian pula adalah *zann*. Katanya:

الظَّنُّ شُكٌ وَيُقْرَنُ إِلَّا أَنَّهُ لَيْسَ بِيُقْرَنِ عِيَانٍ إِنَّمَا هُوَ يُقْرَنُ تَدَبُّرٌ فَأَمَّا يُقْرَنُ الْعِيَانُ فَلَا يُقَالُ فِيهِ إِلَّا عِلْمٌ

Terjemahan: “*Zann* ialah rasa syak dan yakin, melainkan ia bukannya keyakinan melalui penglihatan mata, tetapi keyakinan melalui pemerhatian. Adapun keyakinan melalui penglihatan mata, maka tidak dikatakan padanya melainkan '*ilm*'”.

Manakala dari segi istilah, ulama berselisih pandangan mengenai definisi *al-'ilm*, namun masih berkait rapat dengan definisi bahasa di atas. Menurut al-Jurjani dalam *al-Ta'rifat* (t.t.: 199), *al-'ilm* ialah:

الإِعْتِقَادُ الْجَازِئُ الْمُطَابِقُ لِلْوَاقِعِ

Terjemahan: “Iktikad yang pasti (jazam) yang bertepatan dengan hal sebenar/realiti”.

Menurut al-Juwaini dalam *Matn al-Waraqat* (1415) dan al-Syirazi dalam *al-Luma'* (1985), *al-'ilm* ialah:

مَعْرِفَةُ الْمَعْلُومِ عَلَى مَا هُوَ بِهِ [عَلَيْهِ]

Terjemahan: “Mengetahui sesuatu yang dimaklumi menurut apa (hakikat) yang sebenar padanya”.

Secara ringkas, *al-'ilm* ialah pengetahuan yang pasti (jazam) mengenai sesuatu yang bertepatan dengan hakikatnya yang sebenar, di mana ia tidak dapat digugat dan diragukan lagi sesudah itu, seperti keyakinan kita dengan wujudnya Kaabah di Makkah dan kubur Nabi SAW di Madinah misalnya.

### 3. Posisi Hadis Dalam Pembahagian *al-'Ilm*

Ulama usul membahagikan *al-'ilm* kepada dua jenis iaitu; *al-'ilm al-daruri* dan *al-'ilm al-muktasab*. Mereka menjelaskan:

[i] *al-'ilm al-daruri* ialah setiap ilmu yang melazimi makhluk dalam bentuk yang tidak mampu ia tolak daripada dirinya melalui rasa syak ataupun rasa keliru, iaitu seperti;

- ilmu yang terhasil melalui pancaindera yang lima, iaitu pendengaran, penglihatan, hidu, rasa dan sentuh;
- ilmu melalui khabar yang *mutawatir* tentang sesuatu, seperti tentang umat-umat terdahulu dan negeri-negeri yang jauh;
- ilmu yang terhasil di dalam diri mengenai hal dirinya sendiri, sama ada sihat, sakit, duka, gembira dan juga apa yang ia ketahui berkenaan orang lain sama ada cergas, suka, duka, sedih, malu, takut dan seumpamanya yang memestikan dia mengetahuinya. (al-Syirazi 1985; al-Juwaini 1415)

[ii] *al-'ilm al-muktasab* ialah setiap ilmu yang terhasil berdasarkan pengamatan dan pendalilan (النظر والاستدلال), seperti ilmu mengenai baharunya alam ini, kewujudan Pencipta, kebenaran rasul-rasul, kewajipan solat, bilangan solat, kewajipan zakat, kadar zakat dan sebagainya yang dapat diketahui melalui pengamatan dan pendalilan (al-Syirazi 1985). Pengamatan ialah

berfikir mengenai hal keadaan perkara yang sedang diamati, dan pendalilan pula ialah mencari dalil. (al-Juwaini 1415)

Manakala Imam Abu Hafs ‘Umar al-Nasafi (w. 537H) dalam *al-‘Aqa’id al-Nasafiyah* menyatakan sebab-sebab *al-ilm* itu ada tiga, iaitu; pancaindera yang sejahtera, khabar yang benar dan akal. Penjelasannya;

- [a] pancaindera itu ada lima, iaitu pendengaran, penglihatan, hidu, rasa dan sentuh. Setiap satu daripadanya dapat mengesan/mengetahui perkara yang ia dijadikan untuknya.
- [b] khabar yang benar pula terbahagi kepada dua;
  - pertama: khabar *mutawatir*, iaitu khabar sabit yang beredar di bibir suatu kaum yang tidak dapat digambarkan mereka akan bersepakat untuk berdusta. Ia menghasilkan *al-ilm al-daruri*, seperti ilmu tentang raja-raja terdahulu di zaman silam dan negeri-negeri yang jauh.
  - kedua: perkhabaran Rasul yang diperteguhkan dengan mukjizat. Ia menghasilkan *al-ilm al-istidlali (al-muktasab)*. Dan ilmu yang sabit dengannya menyamai ilmu yang sabit secara darurat dari segi keyakinan dan keteguhan.
- [c] akal, dan apa yang sabit dengan akal secara jelas, maka ia bersifat *daruri* seperti ilmu mengenai setiap sesuatu itu adalah lebih besar daripada juzuknya. (al-Taftazani 2014: 26-38)

Berdasarkan pembahagian dan sebab-sebab *al-ilm* ini, terdapat hadis-hadis yang dapat dikelaskan pada bahagian *al-ilm al-daruri* dan *al-ilm al-muktasab*. Namun, ada hadis-hadis yang tidak dapat dikelaskan pada kedua-dua bahagian *al-ilm* tersebut. Hadis-hadis ini dikelaskan dalam kategori lain, iaitu *al-zann* (kemungkinan besar) kerana harusnya berlaku *syubhah* (kesamaran/kesangsian) pada kedudukannya sebagai hadis Nabi SAW (al-Taftazani 2014: 35). Menurut al-Juwaini (1415), *al-zann* ialah mengharuskan adanya dua perkara, namun salah satunya lebih jelas daripada yang satu lagi. Hadis-hadis yang dikategorikan sebagai *al-zann* akan dibahaskan selepas ini.

#### 4. Sejarah Kemunculan Konsep *al-‘Ilm* Dalam Perbahasan Hadis

Konsep asal *al-ilm* dalam perbahasan hadis telah ada babitnya sejak zaman Nabi SAW. Antaranya, baginda SAW bersabda:

لَيْسَ الْجَبْرُ كَالْمُعَايَةَ

(رواه الطبراني في الأوسط وابن عدي عن أنس، والخطيب في تاريخه عن أبي هريرة. قال الميسمى: رجاله ثقات، وحسنه السيوطي، ووافقه المناوي في فيض القدير، وأورده الدارقطني في الأفراد عن جابر، ورواه أحمد والبزار وابن حبان والحاكم وقال: صحيح على شرط الشيفيين، ووافقه الذهبي، والطبراني في الكبير والأوسط عن ابن عباس بلفظ أطول، قال الميسمى: رجاله رجال الصحيح)

Terjemahan: “Bukanlah perkhabaran itu sama sepertimana penyaksian”. (HR al-Tabarani dalam *al-Awsat* dan Ibn ‘Adi daripada Anas RA, dan al-Khatib dalam *Tarikhnya* daripada Abu Hurairah RA. Hadis hasan)

Menurut al-Munawi (w. 1031H) dalam *Fayd al-Qadir* (1356): “Penyaksian itu menghasilkan *al-ilm al-qat'i*. Allah telah menjadikan bagi hamba-hambaNya telinga yang dapat mendengar dan mata yang dapat melihat, dan Dia tidak menjadikan perkhabaran (yang didengar dengan telinga) dari segi kekuatan sama seperti penglihatan dengan mata”.

Hadis yang didengar oleh para sahabat RA di hadapan baginda Nabi SAW dan dilihat keluar daripada mulut baginda tentunya tidak dipertikaikan lagi dari segi nilai *al-ilmnya*. Namun, hadis yang disampaikan oleh para sahabat RA kepada para tabiin yang tidak bertemu dengan Nabi SAW sudah pasti berkurangan dari segi nilai *al-ilm*. Begitu seterusnya pada generasi sesudah mereka sehingga hadis-hadis tersebut dibukukan. Bagaimanapun, para ulama masih meletakkan nilai *al-ilm* pada hadis yang diriwayatkan oleh ramai perawi, generasi demi generasi. Ini kerana bilangan perawi yang ramai pada setiap generasi itu memustahilkan untuk diandaikan oleh akal fikiran jika hadis itu adalah hadis yang silap, salah ataupun palsu. Ini berbeza dengan hadis yang diriwayatkan oleh bilangan perawi yang sedikit kerana harus dari segi akal jika hadis itu ada sedikit silap, salah ataupun palsu. Justeru, ia tidak mencapai nilai *al-ilm* kecuali jika ia diiringi oleh bukti sokongan yang mengukuhkan lagi kedudukan ilmiahnya. (lihat: al-Taftazani 2014: 35)

Perbincangan mengenai konsep ini dibentangkan oleh ulama usul secara terperinci di dalam kitab-kitab *usul al-fiqh*. Dengan catatan, kesemua karya *usul al-fiqh* yang terawal seperti karya al-Qadi Abu Yusuf (w. 182H), karya Imam Muhammad bin al-Hasan (w. 189H) (al-Kawthari 2004a: 93; 2004b: 200; al-Zirikli 8/193), kitab *al-Ajnas fi Usul al-Fiqh* oleh ‘Abd al-Malik bin Qarib al-Asma‘i (w. 215H) (Haji Khalifah 1994: 1/74) serta kitab *al-Hujaj al-Saghir* dan kitab *al-Radd ‘ala al-Marisi wa al-Syafii* oleh Imam ‘Isa bin Aban (w. 220H) (al-Kawthari 2004b: 186) tidak sampai kepada kita pada hari ini, kecuali kitab *al-Risalah* oleh Imam al-Syafii (w. 204H).

## 5. Dua Aliran Dalam Penyusunan Disiplin *Usul al-Fiqh*

Selepas Imam al-Syafii, muncul ramai ulama yang menyusun karya dalam disiplin *usul al-fiqh*. Namun, corak penulisan mereka boleh dibahagikan kepada dua aliran utama iaitu: aliran al-Mutakallimin dan aliran al-Hanafiyyah. (al-Khin, 2010: 116. Ibn Khaldun t.t.: 504)

### 1. Aliran al-Mutakallimin

Aliran al-Mutakallimin merangkumi majoriti ulama mazhab Syafii, mazhab Maliki dan mazhab Hanbali. Dalam menyusun disiplin *usul al-fiqh*, aliran ini lebih memberi fokus pada meredaksi permasalahan, menetapkan kaedah dan menentukan ukuran berserta pendalilan akal semampu mungkin, secara mengasingkan masalah-masalah usul daripada furuk-furuk fiqah, tanpa melihat dalam soal demikian kepada sesuatu mazhab itu sendiri. (al-Khin, 2000: 285)

Antara tokoh-tokoh mereka ialah:

- i. Abu Bakr Muhammad bin ‘Abdullah al-Syafi‘i al-Sayrafi (w. 330H).
- ii. al-Qadi Abu Bakr Muhammad bin al-Tayyib al-Baqillani (w. 403H).
- iii. al-Qadi ‘Abd al-Jabbar bin Ahmad al-Mu‘tazili al-Syafi‘i (w. 415H).
- iv. Abu Ishaq Ibrahim bin Muhammad al-Isfarayini (w. 418H).
- v. Abu Mansur ‘Abd al-Qahir bin Muhammad al-Baghdadi al-Syafi‘i (w. 429H).
- vi. Abu al-Husayn Muhammad bin ‘Ali al-Basri al-Mu‘tazili al-Syafi‘i (w. 436H).
- vii. Abu Ya‘la Muhammad bin al-Husayn al-Farra’ al-Hanbali (w. 458H).
- viii. Abu Bakr Ahmad bin ‘Ali al-Khatib al-Baghdadi (w. 462H).
- ix. Abu al-Ma‘ali ‘Abd al-Malik bin ‘Abdullah al-Juwaini yang digelar Imam al-Haramayn (w. 478H).
- x. Abu Ishaq Ibrahim bin ‘Ali al-Syirazi al-Syafi‘i (w. 476H).
- xi. Hujjah al-Islam Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (w. 505H).
- xii. al-Qadi Abu Bakr ibn al-‘Arabi al-Maliki (w. 543H).

- xiii. Fakhr al-Din Muhammad bin ‘Umar al-Razi al-Syafi‘i (w. 606H). B
- xiv. Muwaffaq al-Din ‘Abdullah bin Ahmad ibn Qudamah al-Maqdisi al-Hanbali (w. 620H).
- xv. Sayf al-Din ‘Ali bin Muhammad al-Amidi (w. 631H).
- xvi. ‘Izz al-Din ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abd al-Salam (w. 660H).
- xvii. Muhyi al-Din Yahya bin Syaraf al-Nawawi (w. 676H).
- xviii. al-Qadi ‘Abdullah bin ‘Umar al-Baydawi (w. 685H).
- xix. Taqiy al-Din Muhammad bin ‘Ali yang terkenal dengan gelaran Ibn Daqiq al-‘Id (w. 702H).
- xx. Taj al-Din ‘Abd al-Wahhab bin ‘Ali al-Subki (w. 771H).
- xxi. Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdullah al-Zarkasyi (w. 794H).

Ibn Khaldun (t.t.: 504) menyebut bahawa antara karya-karya *usul al-fiqh*, kitab *al-Burhan* oleh al-Juwayni, kitab *al-Mustasfa* oleh al-Ghazali, kitab *al-‘Umad* oleh al-Qadi ‘Abd al-Jabbar dan *al-Mu’tamad* oleh Abu al-Husayn al-Basri merupakan empat kitab asas yang terpenting di dalam disiplin *usul al-fiqh* aliran al-Mutakallimin. Keempat-empatnya pula telah diringkaskan oleh Fakhr al-Din al-Razi dalam kitab *al-Mahsul* dan Sayf al-Din al-Amidi dalam kitab *al-Ihkam*.

## 2. Aliran al-Hanafiyyah

Aliran al-Hanafiyyah yang juga dipanggil dengan aliran al-Fuqaha’ merujuk kepada ulama fiqh mazhab Hanafi secara umumnya. Dalam menyusun disiplin *usul al-fiqh*, aliran ini lebih memberi fokus pada menetapkan kaedah usul berdasarkan furuk-furuk fiqh yang dinukilkan daripada imam-imam mereka. Mereka berpendapat, ia adalah kaedah-kaedah yang telah diberikan perhatian oleh imam-imam berkenaan ketika mereka membina furuk-furuk fiqh tersebut. (al-Khin, 2000: 304)

Antara tokoh-tokoh mereka ialah:

- i. Abu Mansur Muhammad bin Muhammad al-Maturidi (w. 333H).
- ii. Abu al-Hasan ‘Ubaydullah bin al-Hasan al-Karkhi (w. 340H).
- iii. Abu Bakr Ahmad bin ‘Ali al-Jassas al-Razi (w. 370H).
- iv. Abu Zayd ‘Ubaydullah bin ‘Umar al-Dabusi (w. 430H).
- v. Fakhr al-Islam ‘Ali bin Muhammad al-Bazdawi (w. 482H).
- vi. Syams al-A’immah Muhammad bin Ahmad al-Sarakhsyi (w. 483H).
- vii. Muzaffar al-Din Ahmad bin ‘Ali yang masyhur dengan gelaran Ibn al-Sa‘ati (w. 694H).
- viii. ‘Ala’ al-Din Muhammad bin ‘Abd al-Hamid al-Usmandi (w. 552H).
- ix. Abu al-Barakat ‘Abdullah bin Ahmad al-Nasafi (w. 710H).

## 6. Pembahagian Hadis Berdasarkan *Turuq*

Pembahagian hadis berdasarkan *turuq* (jalan-jalan riwayat)nya mempunyai kaitan rapat dengan pembahagian khabar/berita. Kebanyakan kitab *usul al-fiqh* membahagikan khabar secara umum kepada tiga bahagian iaitu;

- i. khabar yang diyakini benarnya, atau wajib dibenarkan.
- ii. khabar yang diyakini dustanya, atau diketahui dustanya.
- iii. khabar yang tidak dapat diyakini dengan salah satu daripadanya (al-Juwayni, 1399: 583), atau tidak diketahui benar atau dusta (al-Ghazali, t.t. 2/162-175), atau yang boleh

jadi benar atau dusta padanya (al-Sam‘ani, 1999: 1/324. al-Jassas, 1994: 3/35), atau hanya disangka benarnya (al-Baydawi 2006: 76).

Orang pertama yang membahagikan khabar kepada tiga ini berdasarkan penelitian pengkaji ialah Imam ‘Isa bin Aban bin Sadaqah (w. 221 H) di dalam kitabnya *al-Radd ‘ala Bisyr al-Marisi*. Meskipun, kitab beliau tidak sampai kepada kita pada hari ini, namun kandungannya banyak dinukilkan oleh Imam Abu Bakr al-Jassas (w. 370 H) di dalam kitabnya: *al-Fusul fi al-Usul*. (al-Jassas, 1994: 3/35. al-Turkamani, 2009: 30-32)

Di bawah setiap bahagian dalam pembahagian tersebut dinyatakan contoh-contoh khabar yang relevan dengannya. Justeru, di antara contoh khabar yang diyakini benarnya disebutkan khabar *mutawatir* dan di antara contoh khabar yang boleh jadi benar atau dusta, atau hanya disangka benarnya disebutkan khabar *ahad*.

Hadis *mutawatir* ialah hadis yang mempunyai bilangan perawi yang ramai pada setiap peringkat sanad sehingga akal secara adat menolak kemungkinan para perawi tersebut bersepakat untuk melakukan pendustaan terhadap hadis yang mereka riwayatkan, di samping ianya bersandarkan kepada pancaindera. (al-Syirazi, 1995: 152. al-Juwaini, 1399: . al-Ghazali, t.t. 2/131; al-Laknawi 1995: 38; al-Tarmasi t.t.: 69)

Menurut al-Syirazi (1995: 152), hadis *mutawatir* mempunyai tiga syarat iaitu: [i] Orang-orang yang menyampaikannya mencapai bilangan yang tidak mungkin mereka bersepakat untuk berdusta. Bilangan tersebut pula perlu dikhurus dengan angka tertentu. [ii] Berkeadaan sama bilangan ini sama ada di awal, di tengah dan juga di akhir. [iii] Khabar tersebut pada asalnya berdasarkan penyaksian atau pendengaran (pancaindera), bukannya berdasarkan pemerhatian dan ijтиhad. Imam al-Ghazali (t.t. 2/138) menambah: [iv] Mereka menyampaikannya berdasarkan ‘ilm, bukannya *zan*.

Manakala hadis *ahad* ialah hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat hadis *mutawatir*. Ia dibahagikan pula kepada tiga bahagian; Pertama, hadis *mashhur*: yang diriwayatkan oleh tiga atau lebih perawi dalam salah satu daripada peringkat-peringkat sanad, namun ia tidak mencapai tahap *mutawatir*. Kedua, hadis *‘aziz*: yang diriwayatkan oleh dua orang perawi dalam salah satu daripada peringkat-peringkat sanad. Ketiga, hadis *gharib*: yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja dalam salah satu daripada peringkat-peringkat sanad. (al-Laknawi 1995: 67-69; al-Tarmasi t.t.: 67)

Pembahagian hadis kepada dua; *mutawatir* dan *ahad* ini adalah menurut pembahagian aliran al-Mutakallimin. Bagaimanapun, di sisi aliran al-Hanafiyyah, hadis *masyhur* tidak dimasukkan ke dalam kategori khabar *ahad*, tetapi ia sebagai satu bahagian yang berasingan kerana hadis di sisi mereka terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu khabar *mutawatir*, khabar *masyhur* dan khabar *ahad*. (al-Nasafi, 1326: 16. al-Zuhayli 1986: 1/451; Muhyi al-Din 2014: 31). Definisi bahagian-bahagian hadis tersebut menurut mereka ialah (al-Laknawi 1995: 39 & 267):

- i. Hadis *mutawatir* ialah hadis yang diriwayatkan oleh satu golongan perawi yang tidak dapat dihitung bilangan mereka dan tidak dapat dibayangkan mereka bersepakat untuk melakukan pendustaan terhadap hadis yang diriwayatkan, di mana bilangan ramai pada hadis tersebut sama di ketiga-tiga zaman periwayatan.
- ii. Hadis *mashhur* ialah hadis yang asalnya hadis *ahad*, kemudian ia tersebar luas sehingga mencapai tahap bilangan *mutawatir*.

- iii. Hadis *ahad* ialah hadis yang bilangan perawinya tidak mencapai tahap bilangan *mutawatir* di dalam mana-mana kurun.

Pembahagian demikian memang sudah masyhur di dalam kitab-kitab *usul al-fiqh* mazhab Hanafi seperti dalam kitab *Kanz al-Wusul* oleh al-Bazdawi. (t.t.: 149-152), *al-Usul* oleh al-Sarakhsyi (1993: 1/291-292), *al-Manar* oleh al-Nasafi (1326: 16), *Kashf al-Asrar* oleh ‘Ala’ al-Din al-Bukhari (1997: 2/520) dan sebagainya.

## 7. Nilai Ilmiah Hadis *Mutawatir* dan *Ahad*

Para ulama bersepakat mengenai nilai ilmiah hadis *mutawatir*, iaitu menghasilkan *al-ilm*, yang merujuk kepada *al-ilm al-yaqini* atau *al-ilm al-daruri* yang menghasilkan iktikad yang jazam. Adakalanya digunakan juga istilah *al-qat* (القطع). (al-Syirazi, 1995: 152. al-Juwayni, 1399: . al-Ghazali, t.t. 2/131; al-Laknawi 1995: 38; al-Tarmasi t.t.: 69)

Namun, para ulama berselisih mengenai nilai ilmiah hadis *ahad* dari sudut tahap keyakinannya yang boleh dibahagikan kepada dua pandangan seperti berikut:

### a. Pandangan Jumhur Ulama:

Jumhur ulama, iaitu ulama Hanafi, ulama Syafii, majoriti ulama Maliki, majoriti ulama Hanbali dan lain-lain berpendapat hadis *ahad* hanya menghasilkan *al-zann* (kemungkinan besar) dan *al-amal* (praktikal) sahaja, bukannya *al-ilm* (keyakinan) (al-Turkamani 2009: 125-127). Ini disebabkan ada kemungkinan berlaku padanya kesilapan, kelalaian atau ‘campur tangan’ daripada perawi. Ciri *al-zann* ini sudah memadai untuk dapat diamalkan dalam masalah fiqah, namun tidak memadai diambil dalam masalah akidah. (Mohd. Khafidz 2018)

Bagaimanapun, terdapat khabar *ahad* yang diperselisihkan sama ada ia menghasilkan *al-zann* atau *al-ilm*. Ini kerana khabar *ahad* ini diiringi dan diperkuatkan dengan dalil-dalil sokongan (المحلف بالقرائن). Cuma *al-ilm* yang dimaksudkan ialah *al-ilm al-nazari* (keyakinan melalui penelitian) kerana ianya berhasil berdasarkan penelitian oleh mereka yang berkeeahlian. *al-ilm al-nazari* adalah satu bahagian daripada dua bahagian *al-ilm al-muktasab* (keyakinan yang diusahakan), selain *al-ilm al-istidlali* (keyakinan melalui pendalilan) menurut ulama usul (al-Juwayni 1415: 6; al-Baghdadi 1981: 12-18).

Antara khabar *ahad* yang dikatakan menghasilkan *al-ilm al-nazari* ialah hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* yang disepakati paling sahih oleh para ulama, kecuali hadis-hadisnya yang dikritik oleh para huffaz atau terdapat percanggahan di antara makna-maknanya. Antara ulama yang berpendapat sedemikian ialah; Abu Ishaq al-Isfarayini, Abu ‘Abd Allah al-Humaydi, Ibn Tahir al-Maqdisi, al-Bulqini dan lain-lain (Ibn Hajar, 1996: 30; al-Laknawi 1995: 151). Juga Abu Hamid al-Isfarayini, Ibn Furak, al-Qadi Abu Tayyib al-Tabari, Abu Ishaq al-Syirazi, al-Sarakhsyi al-Hanafi, al-Qadi ‘Abd al-Wahab al-Maliki, Abu Ya‘la al-Hanbali, Ibn al-Zaghuni al-Hanbali, Ibn Kathir, al-Hafiz Ibn Hajar, Ibn al-Salah dan al-Suyuti. (al-Tarmasi, t.t: 11). Ulama usul yang mengatakan khabar *ahad* yang diperkuatkan dengan *qara'in* (dalil-dalil sokongan) boleh menghasilkan *al-ilm al-nazari* juga dapat ditariskan bersama mereka, seperti al-Amidi (1404: 2/48), Ibn al-Hajib (1326: 51), al-Subki (2003: 66) dan lain-lain.

Antara khabar *ahad* yang menghasilkan *al-ilm al-nazari* ialah hadis *masyhur* yang mempunyai perbagai jalan riwayat yang bebas daripada sebarang kelemahan dan kecacatan.

Abu Mansur al-Baghdadi menamakannya sebagai *mustafid* (مستفيض) (al-Baghdadi, 1981: 12-18). Demikian juga Abu Ishaq al-Isfarayini dan Ibn Furak. Mereka semua berpendapat dengan pendapat ini (al-Subki 2003: 66). Bagaimanapun, Imam al-Haramayn al-Juwaini menolak pandangan mereka kerana ia masih tetap dianggap berat pada *al-zann* (kemungkinan besar) pada tahap benarnya, bukannya *al-qat'* (pasti) pada tahap benarnya. (al-Juwaini, 1399: 584)

Kesan perbahasan usul ini telah mempengaruhi al-Hafiz Ibn Hajar di dalam kitab *Nuzhah al-Nazar*. Beliau merumuskan, hadis *ahad* yang menghasilkan *al-'ilm al-nazari* ini ada tiga iaitu: [i] hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. [ii] hadis *masyhur* yang mempunyai perbagai jalan riwayat yang bebas daripada sebarang kelemahan dan kecacatan. [iii] hadis *musalsal* dengan para imam yang *hafiz* lagi *mutqin*. (Ibn Hajar, 1996: 29-31)

Kata al-Hafiz Ibn Hajar dalam mengharmonikan pandangan yang menolak khabar *ahad* yang mempunyai *qara'in* boleh menghasilkan *al-'ilm*:

“Perselisihan tersebut dari segi tahkik adalah *lafzi* sahaja kerana orang yang membolehkan istilah *al-'ilm* dilafazkan mengaitkan ianya sebagai *nazari* yang terhasil berdasarkan pendalilan. Manakala orang yang enggan membolehkannya pula kerana mengkhususkan lafaz *al-'ilm* hanya untuk mutawatir sahaja dan yang selainnya adalah bersifat *zan* baginya, akan tetapi dia tidak menafikan bahawa apa yang diiringi oleh *qara'in* (dalil sokongan/bukti irungan) itu lebih *rajih* berbanding dari yang tidak diiringi olehnya”. (Ibn Hajar, 1996: 29)

Manakala ulama Hanafi yang mengasingkan hadis *masyhur* sebagai satu bahagian yang berasingan, menurut mereka hadis *masyhur* menghasilkan *al-'ilm* juga, tetapi dengan istilah *'ilm al-tama'ninah* (علم التمامية) yang memberikan ketenangan hati untuk diterima. (al-Nasafi, 1326: 16. al-Zuhayli 1986: 1/451; Muhyi al-Din 2014: 60). Ini berbeza dengan kedudukan hadis *masyhur* sebagai hadis *ahad* di sisi jumhur ulama yang hanya menghasilkan *al-zann* (kemungkinan besar/sangkaan kuat).

### b. Pandangan Segelintir Ulama:

Sebilangan ilmuwan berpendapat, khabar *ahad* menghasilkan *al-'ilm*. al-Juwaini (1399: 606) menolak pendapat ini dan menyandarkan pandangan minoriti ini kepada golongan Hasyawiyyah dari kalangan Hanabilah dan perawi hadis. Ibn Hazm dalam kitab *al-Ihkam* menisbahkannya kepada Dawud al-Zahiri, al-Husayn al-Karabisi, al-Muhasibi dan lain-lain serta beliau memilih pandangan mereka. Manakala Ibn Khuwayz Mindad menisbahkannya kepada Imam Malik. Namun, al-Zarkasyi mempertikaikan penisbahannya kepada al-Muhasibi dan Malik kerana ia tidak sabit daripada mereka. (al-Zarkasyi 1994: 6/134)

Juga ada dinukilkan satu pandangan daripada Imam Ahmad (al-Subki 2003: 66). Namun, Ibn Qudamah (2009: 126) memberi ulasan bahawa boleh jadi maksud Imam Ahmad itu hanya dalam isu khusus berkaitan hadis-hadis *al-ru'yah* (melihat Allah SWT) dan seumpamanya, yang ramai perawinya, sudah diterima oleh umat serta ada bukti-bukti yang menunjukkan kebenaran orang yang menukilkannya.

Berdasarkan penelitian, kemungkinan maksud *al-'ilm* di sisi tokoh-tokoh yang dinyatakan itu bukanlah *al-'ilm al-yaqini* atau *al-'ilm al-daruri*, tetapi ialah *al-'ilm al-muktasab* (*al-'ilm al-nazari* atau *al-'ilm al-istidlali*). Misalnya, ulasan Ibn Qudamah mengenai pandangan Imam Ahmad menunjukkan terhasilnya *al-'ilm* adalah berdasarkan *qara'in*. Begitu juga apa yang disebut oleh al-Sam'ani (1999: 1/333) bahawa kebanyakan ahli hadis

berpendapat, khabar-khabar yang dinilai oleh ahli pakar sebagai sahih serta diriwayatkan oleh perawi-perawi yang sabit lagi *thiqah* itu menghasilkan *al-'ilm*, menunjukkan bahawa terhasilnya *al-'ilm* adalah berdasarkan *qara'in*, sama seperti mana isu hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* yang telah disinggung di atas. Dawud al-Zahiri pula menurut al-Sam'ani, menyebutnya sebagai *al-'ilm al-istidlali*, yang merupakan salah satu bahagian *al-'ilm al-muktasab* (iaitu *al-'ilm* terhasil dengan sebab *istidlal* atau *nazar*).

Manakala Ibn 'Abd al-Bar (w. 463H) mengguna pakai istilah *al-'ilm al-zahir*. Kata beliau:

"Golongan yang ramai daripada ahli *athar* dan sebahagian ahli *nazar* mengatakan ianya (khabar *ahad*) menghasilkan *al-'ilm al-zahir* dan amal sekaligus. Antara mereka ialah al-Husayn al-Karabisi dan lain-lain. Manakala Ibn Khuwaz Bindadh (atau Ibn Khuwayz Mindadh) menyebut bahawa pendapat ini dikeluarkan menurut mazhab Malik". (Ibn 'Abd al-Bar 1387: 1/8)

Istilah *al-'ilm al-zahir* sebenarnya adalah seerti dengan makna 'zann yang kuat' atau 'zann yang ghalib'. Imam al-Ghazali menjelaskan:

"Apa yang dihikayatkan daripada para muhaddithin bahawa yang demikian itu menghasilkan *al-'ilm*, maka berkemungkinan maksud mereka ialah ia menghasilkan ilmu tentang kewajipan beramal, kerana *zann* juga boleh dinamakan sebagai *'ilm* (yakni *zann* yang kuat/ghalib). Sebab itu kata sesetengah mereka, ia menghasilkan *al-'ilm al-zahir*, sedangkan *al-'ilm* tidak mempunyai zahir dan batin, akan tetapi ia sebenarnya adalah *zann*." (al-Ghazali t.t.: 2/179. al-Zarkasyi 1994: 6/135-136)

Berpandukan penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa kemungkinan tiada seorang tokoh besar pun yang mengatakan hadis *ahad* menghasilkan *al-'ilm al-yaqini* atau *al-'ilm al-daruri* sama seperti mana hadis *mutawatir* dan al-Quran al-Karim. Sekiranya ada, ia merupakan pendapat yang *marjuh* (tidak tepat). Ini kerana ia akan memberi implikasi dari segi praktis hukum, sama ada terhadap orang yang mengingkari hadis *mutawatir* ataupun mengingkari hadis *ahad*.

Meskipun semua hadis yang sahih sabit daripada Nabi SAW wajib diamalkan, namun terdapat perbezaan implikasi antara hadis *mutawatir* dan hadis *ahad*, di mana orang yang mengingkari hadis *ahad* tidak menjadi kafir, cuma fasiq. Ini berbeza dengan hadis *mutawatir*, di mana orang yang mengingkarinya boleh menjadi kafir. Ini kerana kedudukan hadis *mutawatir* adalah sama seperti al-Quran al-Karim, justeru mengingkarinya boleh membawa kepada kekufuran. (al-Khairabadi 2003: 125 & 119)

Manakala menurut ulama Hanafi, sebagaimana dalam *al-Fatawa al-Zahiriyyah*, bahawa khabar yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW itu terdiri dari tiga peringkat; iaitu [i] *mutawatir* yang sesiapa mengingkarinya kufur, [ii] *masyhur* yang sesiapa mengingkarinya juga kufur di sisi semua (ulama Hanafi), kecuali di sisi 'Isa bin Aban yang berpendapat ia hanya menjadi sesat dan tidak boleh dikufurkan, dan ia adalah pandangan yang sahih, [iii] dan khabar *ahad* yang tidak boleh dikafirkan orang yang mengingkarinya, cuma dia tetap berdosa kerana enggan menerima. Namun, sesiapa yang mendengar suatu hadis, lalu berkata: "Kami dah dengar banyak kali" dengan tujuan mempersendakannya, maka ia kufur. (al-Qari t.t.: 232)

## 8. Antara Pengaruh *Usul al-Fiqh* Terhadap '*Ulum al-Hadith*

Antara pengaruh disiplin *usul al-fiqh* yang dilihat menyerap masuk ke dalam disiplin ‘*ulum al-hadith*’ ialah mengenai pembahagian hadis berdasarkan *turuqnya*. Ia merupakan metode yang sudah maklum diguna pakai di dalam kitab-kitab *usul al-fiqh* sebagaimana yang telah dinyatakan, antara lain seperti dalam kitab *al-Burhan* oleh Imam al-Haramayn al-Juwaini (1998: 1/368), *al-Luma‘* oleh al-Syirazi (1995: 151), *al-Mustasfa* oleh al-Ghazali (1993: 1/104), *al-Mahsul* oleh Fakhr al-Din al-Razi (1980: 4/321), *al-Ihkam* oleh al-Amidi (1984: 2/21) dan sebagainya.

Orang pertama yang dikesan memasukkan pembahagian dan perbahasan *mutawatir* dan *ahad* ke dalam disiplin ‘*ulum al-hadith*’ ialah al-Khatib al-Baghdadi (w. 463H) di dalam kitabnya *al-Kifayah*. Kemudian, baru diikuti oleh pengarang-pengarang ‘*ulum al-hadith*’ lain. (al-‘Awni, 1996: 91- 97). Terdapat sebuah kitab ‘*ulum al-hadith*’ yang susunan perbahasannya terpengaruh dengan susunan disiplin *usul al-fiqh*, iaitu kitab *al-Mukhtasar fi ‘Ilm Usul al-Hadith* oleh Ibn al-Nafis al-Dimasyqi al-Syafi‘i (w. 687 H). Kitabnya terdiri daripada lima buah bab, yang dua bab pertamanya mengenai *al-khabar al-maqtu‘ bi sidqihi* dan *al-khabar al-maznun bi sidqihi*. Perbahasan ‘*ulum al-hadith*’ yang dimulai dengan pembahagian hadis kepada *mutawatir* dan *ahad* kemudian dipopularkan oleh al-Hafiz Ibn Hajar (w. 852 H) di dalam kitabnya *Nukhbah al-Fikar* dan syarahnya *Nuzhah al-Nazar* (1996: 22). Metode Ibn Hajar ini kemudian menjadi terkenal serta diterima dan diikuti oleh ramai alim ulama yang menyusun karya ‘*ulum al-hadith*’ selepasnya serta berterusan sehingga kini. (Mohd. Khafidz 2019a)

Antara kesan pembahagian *turuq* ini pula ialah timbulnya perbahasan tentang status ilmiah hadis *ahad* yang terdapat di dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Apakah hadisnya menghasilkan *al-‘ilm* atau tidak menghasilkan *al-‘ilm* dan hanya mewajibkan kepada *al-‘amal* sahaja? Terdapat dua pandangan, iaitu;

- i. Pandangan pertama, menyatakan ia hanya menghasilkan *al-zann*, tidak menghasilkan *al-‘ilm*, namun ia mewajibkan kepada *al-‘amal*. Ini merupakan pendapat kebanyakan para ulama, sebagaimana yang dinukilkan oleh Imam al-Nawawi serta beliau memilih pandangan ini (al-Laknawi 1995: 150; al-Tarmasi t.t.: 11). Ulama Hanafi juga bersepakat dengan pandangan yang pertama ini, sebagaimana yang dinyatakan oleh tokoh-tokoh mereka seperti Imam Ibn al-Humam, Qasim bin Qutlubugha, Mulla ‘Ali al-Qari, Ibn Amir Haj, Ibn Nujaym, Ibn al-Hanbali al-Hanafi, al-Bihari dan ramai lagi (al-Turkamani 2009: 127-129).
- ii. Pandangan kedua, menyatakan ianya menghasilkan *al-‘ilm al-nazari* kerana ianya berhasil berdasarkan penelitian dan pendalilan. Hadis *ahad* sebegini dinamakan ‘hadis yang diiringi dalil-dalil sokongan’ (الحقائق بالقرائن) kerana hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* disepakati sebagai hadis yang paling sahih serta diterima oleh seluruh ulama, kecuali hadis-hadis yang dikritik oleh para huffaz atau terdapat percanggahan di antara makna-maknanya (Ibn Hajar 1996: 29). Ramai tokoh sarjana yang berpandangan demikian sepertimana yang telah disenaraikan nama mereka sebelum ini. Hujah mereka dilihat lebih kuat berbanding dengan hujah pandangan pertama. Namun, ianya bukan secara mutlak, kerana ada segelintir hadis-hadis di dalam kedua-duanya yang dikritik oleh para huffaz dan para ulama yang lain, atau hadis-hadis yang terdapat percanggahan dengan dalil-dalil lain. (Ibn Hajar 1996: 29)

## 9. Kesimpulan

Epistemologi *al-ilm* dalam perbahasan autoriti hadis ini wajar difahami dengan baik oleh para penuntut ilmu, apatah lagi para ilmuwan dan sarjana. Oleh kerana kepentingannya sebagai teori asas yang utama, epistemologi *al-ilm* dibincangkan dengan cukup terperinci oleh ulama *usul al-fiqh* di awal karya mereka. Misalnya, al-Syirazi menyatakan di awal kitab *al-Luma'* (1985): "Justeru kerana tujuan kitab ini ialah *usul al-fiqh*, maka wajib diterangkan tentang *al-ilm* dan *al-zann* serta semua yang berkaitan dengan kedua-duanya. Kerana melalui kedua-duanya itu akan dapat diketahui kesemua yang berkaitan dengan bidang fiqah. Kemudian akan kami sebutkan pula tentang *al-nazar* dan *al-dalil* serta semua yang berkaitan dengan kedua-duanya. Kerana melaluinyalah akan terhasil *al-ilm* dan *al-zann*". Berdasarkan penelitian terhadap karya-karya ilmu kalam, *usul al-fiqh* dan '*ulum al-hadith*', kajian mendapati, jumhur ulama bersepakat bahawa tidak kesemua hadis itu mencapai tahap *al-ilm* kerana majoritinya adalah pada tahap *al-zann* dari segi autoriti atau nilai ilmiahnya. Sekiranya ada yang menolak pandangan jumhur ini, maka ia bukan sekadar satu pertentangan pendapat sahaja, tetapi turut akan memberi implikasi dari segi praktis hukum dan fatwa, terutama terhadap orang yang mengingkari hadis yang mempunyai nilai *al-ilm*.

## 10. Rujukan

- al-Amidi, 'Ali bin Muhammad. 1404. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- al-'Awni, Dr. al-Syarif Hatim bin 'Arif. 1996. *al-Manhaj al-Muqtarah*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
- al-Baghdadi, Abu Mansur. 1981. *Usul al-Din*. Cet. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Baydawi, al-Qadi 'Abdullah bin 'Umar. 2006. *Minhaj al-Wusul ila 'Ilm al-Usul*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nasyirun.
- al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad. 1990. *al-Misbah al-Munir*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. t.t. *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Madinah al-Munawwarah: t.p.
- Haji Khalifah, Mustafa bin 'Abdullah. 1994. *Kasyf al-Zunun*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Halbusi, Qaysar Hamad. 2013. *Usul al-Fiqh wa Atharuhu fi 'Ulum al-Hadith*. [Atas talian] <http://isscj.edu.iq/145> (diakses pada 4 November 2018).
- Ibn 'Abd al-Bar, Abu 'Umar Yusuf bin 'Abdullah. 1387. *al-Tamhid li-ma fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid*. Maghribi: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani. 1996. *Nuzhah al-Nazar Syarh Nukhbah al-Fikar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Hajib, 'Uthman bin 'Umar al-Maliki. 1326. *Muntaha al-Wusul wa al-Amal fi 'Ilmay al-Usul wa al-Jadl*. Mesir: Matba'ah al-Sa'adah.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad. t.t. *al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn al-Nafis, Ala' al-Din 'Ali bin Abi al-Hazm al-Dimasyqi. 1991. *al-Mukhtasar fi 'Ilm Usul al-Hadith*. Ditahkik oleh Yusuf Zaydan. Kaherah: al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din al-Maqdisi al-Hanbali. 2009. *Rawdah al-Nazir wa Junnah al-Munazir*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nasyirun.
- al-Jassas, Abu Bakr Ahmad bin 'Ali al-Razi. 1994. *al-Fusul fi al-Usul*. Kuwait: Wizarah al-Awqaf al-Kuwaytiyyah.
- al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad. t.t. *al-Ta'rifat*. Mesir: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- al-Juwayni, Imam al-Haramayn 'Abd al-Malik bin 'Abdullah. 1399. *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Qatar: t.p.
- al-Juwayni, Imam al-Haramayn 'Abd al-Malik bin 'Abdullah. 1415. *Matn al-Waraqat*. Jeddah: Maktabah al-'Ilm.

- al-Kawthari, Muhammad Zahid. 2004a. *Husn al-Taqadi fi Sirah al-Imam Abi Yusuf al-Qadi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Kawthari, Muhammad Zahid. 2004b. *Bulugh al-Amani fi Sirah al-Imam Muhammad bin al-Hasan al-Sayyabi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Khairabadi, Dr. Muhammad Abu al-Layth. 2003. ‘Ulum al-Hadith Asiluha wa Mu‘asiruha. Selangor: Dar al-Syakir.
- al-Khin, Dr. Mustafa Sa‘id. 2010. *Athar al-Ikhtilaf fi al-Qawa‘id al-Usuliyyah fi Ikhtilaf al-Fuqaha*. Cet. 11. Dimasyq: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- al-Khin, Dr. Mustafa Sa‘id. 2000. *Abhath Hawla Usul al-Fiqh al-Islami*. Dimasyq: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- al-Laknawi, ‘Abd al-Hayy. 1995. *Zafar al-Amani Syarh Mukhtasar al-Jurjani*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Mohd. Khafidz bin Soroni. 2019a. ‘Ulum al-Hadith Antara Mazhab Hanafi dan Mazhab Syafii: Perbandingan Antara Kitab Zafar al-Amani dan Kitab Manhaj Dhawi al-Nazar. (Tesis PhD). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd. Khafidz Soroni. 2018. *Sumbangan Ulama Usul al-Fiqh Dalam Perbahasan ‘Ulum al-Hadith*. Prosiding International Conference on Postgraduate Research (ICPR 2018) 29 Nov 2018.
- Mohd. Khafidz bin Soroni. 2019b. *Perbahasan ‘Ulūm Al-Hadīth dalam Uṣūl al-Fiqh Mazhab Syafii*. Jurnal HADIS, INHAD, Volume 9, No 17, Jun 2019.
- Muhyi al-Din Muhammad ‘Awwamah. 2014. *Taqsim al-Akhbar wa Dilalatuha ‘inda al-Sadah al-Hanafiyyah*. Jeddah: Dar al-Minhaj dan al-Madinah al-Munawwarah: Dar al-Yusr.
- al-Munawi, Zayn al-Din Muhammad ‘Abd al-Ra’uf. 1356. *Fayd al-Qadir Syarh al-Jami‘ al-Saghir*. Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- al-Nasafi, Abu al-Barakat ‘Abdullah bin Ahmad. 1326. *Manar al-Anwar fi Usul al-Fiqh*. Matba‘ah Ahmad Kamil.
- al-Qari, ‘Ali bin Sultan al-Harawi. t.t. *Syarh Nukhbah al-Fikar*. Beirut: Dar al-Arqam.
- al-Sam‘ani, Abu al-Muzaffar Mansur bin Muhammad. 1999. *Qawati‘ al-Adillah fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Subki, Taj al-Din ‘Abd al-Wahhab bin ‘Ali. 2003. *Jam‘ al-Jawami‘*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Subki, ‘Ali bin ‘Abd al-Kafi. (1404). *al-Ibhaj fi Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Sirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin ‘Ali. 1995. *al-Luma‘ fi Usul al-Fiqh*. Dimasyq: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- al-Sirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin ‘Ali. 1985. *al-Luma‘ fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Taftazani, Mas‘ud bin ‘Umar. 2014. *Syarh al-‘Aqa‘id al-Nasafiyyah*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- al-Tarmasi, Muhammad Mahfuz. t.t. *Manhaj Dhawi al-Nazar*. Surabaya: al-Haramayn.
- al-Turkamani, ‘Abd al-Majid. 2009. *Dirasat fi Usul al-Hadith ‘ala Manhaj al-Hanafiyyah*. Karachi: Maktabah al-Sa‘adah.
- al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdullah. 1994. *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Dar al-Kutubi.
- al-Zuhayli, Dr. Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dimasyq: Dar al-Fikr.